

15/12/1997

Asean bimbang bantuan IMF

KUALA LUMPUR, Ahad - Menjelang sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin Asean di sini esok, kebimbangan bahawa bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mungkin tidak mencukupi bagi menstabilkan keadaan kewangan terus dirasakan berikutan Asia masih dilanda krisis mata wang.

Malaysia dan Thailand sependapat bantuan itu tidak banyak dapat membantu mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang di negara Asean, sebaliknya memburukkan lagi keadaan.

Perdana Menteri yang juga pengerusi sidang kemuncak itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Leekpai yang bertemu di sini hari ini berpendapat keadaan ekonomi di negara-negara yang mendapat bantuan IMF masih tidak berubah.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Badawi, berkata pandangan kedua-dua pemimpin negara itu turut disokong negara lain yang menerima bantuan IMF dan kini berhadapan dengan keadaan yang lebih memeritkan.

"Ada negara yang beranggapan apabila IMF memberi bantuan, situasi mata wang akan menjadi baik tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Oleh itu, timbul persoalan sama ada IMF ini menyelesaikan masalah atau menimbulkan lebih banyak masalah," katanya pada sidang akhbar sejurus selepas perbincangan dua hala Dr Mahathir dan Leekpai.

Bulan lalu, IMF memberi bantuan kecemasan sebanyak AS\$17 bilion (RM61.2 bilion) kepada Thailand dan AS\$27 bilion (RM97.2 bilion) kepada Indonesia berikutan masalah ekonomi yang dihadapi dua negara terbabit. Korea Selatan juga turut menerima bantuan sama.

IMF turut menawarkan pakej yang sama kepada Malaysia tetapi ditolak kerana membabitkan syarat tertentu yang disifatkan sebagai tidak adil kepada negara.

Dalam perbincangan itu, kata Abdullah, Perdana Menteri Thailand menyuarakan kebimbangannya dengan tindakan dan syarat yang dikenakan IMF dalam menangani isu mata wang di negaranya.

Selain mengenakan syarat yang ketat, katanya, IMF menetapkan tempoh sehingga Mei untuk melaksanakan tindakan berkesan, yang disifatkan Leekpai sebagai terlalu lewat untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang.

Berikutan itu, kedua-dua pemimpin berpendapat Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kedua yang akan bermula esok adalah landasan terbaik untuk semua pemimpin negara Asean menghasilkan langkah bersepadu dan berkesan menangani masalah mata wang.

Dr Mahathir juga turut membincangkan isu yang sama dengan Presiden China, Jiang Zemin dalam pertemuan satu jam mereka lewat petang ini.

(END)